

AMARAN MENGENAI JANGKITAN PENYAKIT VIRUS EBOLA (EVD)

• PENGENALAN



Penyakit virus ebola (*ebola virus disease; EVD*) adalah penyakit serius dengan kadar kematian yang tinggi. Penyakit ini boleh menjangkiti manusia dan juga haiwan, seperti kelawar dan monyet. *EVD* kali pertama dikesan dalam kalangan manusia pada tahun 1976 di Republik Demokratik Congo dan Sudan. Pada ketika ini suatu kejadian wabak sedang berlaku, melibatkan 2 buah negara di Afrika Barat, iaitu Guinea dan Liberia yang bermula sejak Mac 2014.

• CARA JANGKITAN

Anda mungkin terdedah kepada virus ebola melalui kontak secara langsung dengan:

- Cairan badan individu yang jatuh sakit atau meninggal dunia akibat *EVD*, seperti darah, muntah, najis, air kencing dan sebagainya.
- Objek yang tercemar dengan virus ebola, seperti jarum suntikan, peralatan perubatan yang digunakan ke atas pesakit dan lain-lain lagi.
- Cairan badan haiwan yang dijangkiti, seperti darah, cairan badan mahupun dagingnya.

